

BREASTFEEDING PRACTICE AMONG WOMEN WITH AN INFANT OF 1 YEAR OLD AND BELOW IN THE DISTRICT OF HILIR PERAK, 1994

AMALAN PENYUSUAN SUSU IBU DI KALANGAN WANITA YANG MEMPUNYAI ANAK BERUMUR 1 TAHUN DAN KE BAWAH DI DAERAH HILIR PERAK, 1994

Rosli Ismail, Hashami Bohari, Khalib Latip

ABSTRACT

The trend of breastfeeding is said to be on the decline in most developing countries. It has been associated with the rapid developments and the changes in the socio-economic status of a country. The objective of this study is to determine the present practice of breast feeding in a rural community and identify associated socio-demographics factors. This is a cross-sectional study whereby 185 mothers attending the various child health clinics in the district, were selected and interviewed using a pretested questionnaires. It was found that 51% of respondents practised breast feeding at the birth of their child, whereas only 30% were currently breastfeeding. Majority of respondents (60%) have a family income of RM500 and below per month and 63% have a higher educational status. About 75% of mothers were unemployed and breastfeeding practised among them were only 38%. There were significant relationship between variables such as educational status, family income, mother's parity and ethnicity with breast feeding practices. Majority of respondents obtained a high score on knowledge and positive attitudes toward breastfeeding practices. Among 51 respondents with one child, breastfeeding practised was only 20%. The main reason given for practising mixed feeding is insufficient breast milk; and among those who practised bottle feeding, majority chose absence of breast milk as their main reason. In most studies it was found that factors which may increase the breastfeeding pattern of a community, may decrease it in another community. In this study, we will identify the "risk groups" (those mothers not practicing breastfeeding), so that a more comprehensive health education programmes could be planned to increase and promote breast feeding effectively. In general, breastfeeding practice is on the decline in both the urban and rural communities.

ABSTRAK

Penyusuan susu ibu dikatakan telah menurun di kebanyakan negara sedang membangun. Ia telah dikaitkan dengan perubahan sosio-ekonomi. Tujuan kajian ini ialah untuk melihat apakah amalan penyusuan susu ibu di komuniti luar bandar serta faktor-faktor sosio-demografik yang berkaitan. Ini adalah satu kajian hirisan lintang, di mana seramai 185 ibu-ibu yang menghadiri sesi klinik kesihatan kanak-kanak di pusat-pusat kesihatan di daerah Hilir Perak, telah ditemubual untuk mengetahui amalan penyusuan susu ibu. Sebanyak 51% responden telah memberi susu ibu kepada bayi mereka ketika lahir, dan hanya 30% masih mengamalkan pemberian susu ibu. Majoriti responden (60%) mempunyai pendapatan keluarga sebanyak RM500 dan ke bawah sebulan. Kebanyakan responden (63%) mempunyai taraf pendidikan yang tinggi. Sebanyak 75% responden merupakan ibu-ibu yang tidak bekerja dan amalan penyusuan susu ibu di kalangan mereka ialah sebanyak 38%. Kajian mendapat perhubungan yang bermakna di antara faktor status pendidikan, pendapatan keluarga, bilangan anak dan ethnik dengan penyusuan susu ibu. Majoriti responden juga mempunyai skor pengetahuan yang tinggi dan skor sikap yang positif mengenai penyusuan susu ibu. Walaubagaimana pun, hasil ini tidak mencerminkan amalan penyusuan susu ibu di kalangan responden. Daripada 51 responden yang mempunyai seorang anak, hanya 20% sahaja yang memberi susu ibu. Di antara sebab utama penggunaan susu campur ialah kekurangan susu ibu; manakala sebab utama menggunakan susu botol ialah ketiadaan susu ibu. Faktor-faktor yang menggalakkan penyusuan susu ibu bagi satu komuniti kemungkinan memberi kesan yang berbeza kepada komuniti yang lain. Kajian ini akan mengenalpasti kumpulan "berisiko tinggi" untuk meninggalkan pemberian susu ibu, supaya satu program pendidikan kesihatan yang paling sesuai dapat diadakan untuk meningkatkan semula amalan ini. Secara amnya amalan penyusuan susu ibu di dapati telah menurun dan kesannya telah menular kepada komuniti di bandar dan juga di luar bandar.